

**Siri Suara PAS di Parlimen - 3**

---

# **KE MANA RAKYAT DIBAWA?**

**HAJI NIK ABDULLAH ARSHAD**

NASKHAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
**110 AUG 1992**

©Hakcipta Penerbit Terpelihara ..... 1991

Mana-mana bahagian buku ini tidak boleh dihasilkan semula dalam apa jua bentuk tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan daripada pihak penerbit.

Cetakan Pertama: April 1991

M  
324.2595 P  
NIK

diterbitkan oleh:

JABATAN PENERANGAN, PENYELIDIKAN DAN DAKWAH PAS PUSAT  
28A, Jalan Pahang Barat, Off Jalan Pahang,  
53000 Kuala Lumpur.

April 1991.

700632

APB

Uruscetak oleh:  
Syarikat Perniagaan Al-Hafiz  
47 Jalan Raja Muda Abdul Aziz,  
53000 Kuala Lumpur. Tel: 2921114

18 NOV. 1993

Perpustakaan Negara  
Malaysia

# **PRAKATA PENERBIT**

---

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah  
Lagi Maha Penyayang

RISALAH ini adalah terbitan ketiga dalam Siri Suara PAS di Parlimen. Harapan kami agar anda telah pun mendapatkan risalah-risalah terdahulu dalam siri ini.

Sebagaimana lain-lain Ahli Parlimen daripada PAS, Haji Nik Abdullah Arshad juga banyak menyumbangkan idea dan cadangan ke arah pembentukan sebuah negara yang adil. Berbagai-bagai aspek termasuk aspek pembangunan, pendidikan dan juga politik disentuh sepanjang sidang Dewan Rakyat penggal pertama lalu. Hatta ke peringkat menawarkan diri untuk bekerjasama dengan pihak Kerajaan dalam membangunkan negara, dengan syarat Kerajaan Barisan Nasional sedia membangunkan negara dengan Islam.

Islam menjamin keselamatan bukan sahaja orang-orang Islam, bahkan juga rakyat yang bukan Islam. Islam bukan sekadar menjamin keselamatan untuk manusia, ia juga menjamin keselamatan haiwan dan tumbuhan dan lain-lain makhluk Allah. Kesemua mereka diletakkan di bawah tanggungjawab manusia yang bergelar mukmin untuk mengendalikannya.

Sebab itulah, setiap Muslim perlu mengetahui tanggungjawab

kepimpinan yang mereka pikul. Setiap muslim adalah pemimpin kepada dirinya sendiri. Manakala seorang muslim yang diamanahkan memimpin negara pula hendaklah bertanggungjawab terhadap keadaan yang dialami oleh setiap rakyatnya.

Sudah lebih 30 tahun UMNO dan pemimpin-pemimpinnya menerajui pemerintahan negara. Namun, sebagaimana yang diutarakan oleh Haji Nik Abdullah Arshad dalam salah satu ucapannya, hingga kini rakyat masih tidak tahu ke mana Kerajaan Barisan Nasional mahu membawa mereka.

Banyak lagi hujah-hujah menarik yang dikemukakan oleh Haji Nik Abdullah yang kami rasa dapat dijadikan bahan rujukan dan panduan bagi para pengalisa dan peminat politik di negara ini. Segala yang dicurahkan oleh beliau sepanjang sidang Dewan Rakyat penggal lalu itu kami kumpul dan bukukan untuk kemudahan sesiapa jua yang memerlukannya.

Kami mengharapkan Allah jua untuk terus memberikan kami upaya dalam usaha kami menerbitkan risalah-risalah berikutnya.

Wallahu Waalam Bissawab. Wa Ilaihil Marja'u Wal Maab.

**MOHD. NASIR BIN AWANG**  
**Bahagian Penerbitan Buku,**  
**Jabatan Penerangan, Penyelidikan & Dakwah PAS Pusat,**  
**Kuala Lumpur.**

12 April 1991.

# Ke Mana Rakyat Hendak Dibawa?

(*Dewan Rakyat*, 20.12.90)

---

SAYA percaya Anggaran Belanjawan yang ada di hadapan kita kali ini amat menarik sekali walaupun rupa bukunya awal-awal lagi kelabu. Saya nampak pihak penyokong Kerajaan begitu gembira kerana mereka anggap Belanjawan ini boleh memenuhi aspirasi rakyat dan semua pihak. Sebab itu pada hari pembentangan Anggaran Belanjawan ini jelas ter-nampak seri muka-muka penyokong Kerajaan. Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri bahkan Perdana Menteri dan Timbalannya pun sentiasa tersenyum simpul mendengar ulasan-ulasan yang disampaikan oleh Menteri Kewangan terutama sekali sewaktu Menteri Kewangan memberi kritik-kritik dan sindiran-sindiran yang tajam kepada Pembangkang yang dianggap tenggelam dalam politik khayalan.

Sebelum saya menyentuh beberapa masalah yang saya kira perlu ingin saya mengambil peluang untuk mengucap tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan di atas kemenangan dan

dapat mengekalkan kuasanya dalam pilihanraya umum baru-baru ini, walaupun kemenangan itu hasil dari undi beli dan ugut. Terima kasih juga saya ucapkan petang ini kerana ramai “budak-budak nakal UMNO” yang selalu mengganggu saya dalam Dewan yang mulia ini dahulu sudah tidak ada lagi sekarang ini, cuma tinggal Wakil-wakil Arau dan Pendang sahaja lagi dan saya pun tidak berkeselorangan.

Saya tidak berkesempatan untuk membahas Titah Ucapan Di Raja baru-baru ini. Bagaimanapun saya cuma secara umum ingin mengemukakan satu dua perkara bagi menarik perhatian Dewan yang mulia ini.

Walaupun pihak kerajaan merasa begitu senang hati dengan Anggaran ini yang telah diberi nama ‘masyarakat penyayang’, saya ingin tahu mampukah Kerajaan melaksanakan cita-cita dan program-program yang tersaji dalam Anggaran Belanjawan ini? Apakah keupayaan Kerajaan yang menjamin bahawa cita-cita ini akan terlaksana nanti? Memanglah perencanaannya konkret dan ideanya munasabah. Bahkan tidak ada sesiapa agaknya yang membantah dan mempertikai-kan. Tetapi saya merasa ragu memandangkan rekod-rekod Belanjawan yang lepas telah tidak begitu menyenangkan, pada hal Kerajaan sentiasa senyum manis di waktu Belanjawan dibentangkan.

Contoh terdekat ialah Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang berakhir dengan penubuhan MAPEN, dan projek-projek perumahan yang begitu agung yang menelan belanja berjuta-juta telah berakhirdengan kegagalan dan terbengkalai. Sedangkan DEB diterima oleh semua pihak dan ia dianggap baik. DAP

pun tidak pernah menentang Dasar Ekonomi Baru. Yang mereka tentang hanyalah cara perlaksanaan dan amalan-amalan hipokrit pemimpin-pemimpin dan “buaya-buaya besar” yang menyalahgunakan kuasa dan menelan projek-projek jutawan untuk kepentingan peribadi.

Mengapa hal seperti ini berlaku? Siapa yang bertanggungjawab melakukannya? Ini tentulah ada punca dalaman kerana ia tidak terjadi begitu sahaja. Tidak salah kalau saya katakan puncanya ialah kelemahan dasar politik negara dan ketiadaan matlamat murni dalam pembangunan dan kehidupan pemimpin-pemimpin. Selagi pemimpin-pemimpin dan Wakil-wakil Rakyat masih kotor hati dan cemar jiwanya serta sanggup menjadi buaya-buaya ganas dan lintah-lintah darat untuk menghisap darah-darah rakyat dan golongan-golongan mustadh’afin, maka sebaik mana Anggaran Belanjawan yang dikemuka dan diluluskan pun, ia akan gagal dan tidak berjaya.

Banyak, kalau hendak dikemukakan contoh serta ditunjukkan sebab-sebabnya. Inilah yang perlu dikaji secara mendalam dan mesti diambil kira sebelum kita berbangga dengan rancangan-rancangan. Kita mahu supaya rakyat tidak kenyang dengan cerita-cerita dongeng dan hidup dalam angan-angan.

Dalam Belanjawan ini, Kerajaan telah menunjukkan angka yang begitu besar untuk membina rumah polis dan askar dalam tempoh 10 tahun akan datang. Cerita ini sudah begitu lama masuk ke telinga kita. Bahkan setiap kali *Budget* dibentang, ada-ada sahaja kecoh politik Kerajaan seperti ini. Kalau sebenar hendak menolong dan sebenar ikhlas, selesaikanlah tempat-tempat kediaman mereka yang sedang

berselerak dalam Wilayah Persekutuan ini lebih dahulu sebelum seluruh negara. Tidak usah tunggu masa 10 tahun memandangkan kepada penderitaan yang mereka alami sepanjang masa kerana gaji mereka tidak sepadan dengan keperluan hidup mereka sehari-hari.

Suatu ketika dahulu dalam Pilihanraya Kecil Kawasan Kemumin yang terletak dalam kawasan saya sendiri di Pengkalan Chepa, Kerajaan telah membuat janji kepada mereka (polis dan askar) untuk menaikkan gaji \$30 jika calon Barisan Nasional menang dalam pilihanraya itu. Tetapi malang, setelah Barisan Nasional menang, janji itu hilang begitu sahaja. Akhirnya, gaji dinaikkan juga tetapi bagi yang baru dapat kerja bukan yang telah bekerja seperti janji dahulu.

Satu perkara lagi yang ingin saya tekankan di sini iaitu setiap tahun Belanjawan dibentang dan setiap tahun kita selidiki, kita tidak pernah melihat peruntukan-peruntukan dan projek-projek khusus untuk membangun insan dan ummah. Samalah seperti Belanjawan yang ada di hadapan kita kini. Cuma di akhir ucapan Menteri Kewangan ada menyebut di samping kita membangun negara kita tidak lupa juga membangun rohani. “Sebab itu kita serapkan pandangan rakyat ke arah masyarakat penyayang”, katanya.

Sungguh sedih dan dukacita, setelah 30 tahun lebih kita belayar dan berkayuh di tengah-tengah lautan yang bergelora dan berombak dan sentiasa dipukul ribut dan taufan tetapi sehingga hari ini kita tidak tahu ke mana hendak dituju dan tidak ada seorang nakhoda pun hendak menunjuk jalan dan arah kepada kita.

Belanjawan tahun lepas Menteri Kewangan memperkenalkan kepada kita “budget melenakan semua rakyat”. Tahun ini pula “balas budi rakyat”. Alangkah lunak suara dan manisnya bibir politik Kerajaan untuk menawan hati rakyat.

Kalau sebenar Kerajaan berhasrat menolong rakyat, tidak perlu menggulakan kata-kata manis. Buktikanlah rupa kepimpinan melalui teladan dan tunjukkanlah amalan-amalan bersih, cekap dan amanah. Mengapa DEB gagal? Mengapa projek perumahan terbengkalai? Mengapa BMF tidak selesai? Mengapa penyelewengan dan rasuah bertambah pesat berlaku hari ini? Kita mahu tahu ke mana Kerajaan hendak bawa rakyat hari ini. Apa matlamat yang sebenar dan di mana pangkalan yang akan dituju dengan dasar politik Kerajaan hari ini.

Dalam Titah Ucapan DiRaja yang lepas ada menyebut “Kerajaan Beta juga akan terus memberi penekanan kepada aspek-aspek rohani dan moral yang berteraskan nilai-nilai murni agama. Bagi umat Islam Beta menyeru mereka supaya berpegang teguh kepada ajaran Islam berpandukan kepada Al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW.”

Di sini dapatlah kita faham bahawa sungguh besar harapan dan cita-cita Baginda untuk melihat kesempurnaan hidup dan kesucian jiwa rakyat Malaysia. Bahkan dengan saranan itu Baginda yakin bahawa kesempurnaan dan keselamatan hidup rakyat hanya terletak kepada kepimpinan yang berpandu dan berteraskan ajaran Al-Quran dan Hadith.

Bagaimanapun, kita ragu dengan sikap dan amalan-amalan

pemimpin UMNO yang melenceng begitu jauh dengan tunjuk ajar Al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Bahkan Islam itu sendiri tidak laku pada mereka. Sebab itu mereka pantang mendengar hujah-hujah dari Pembangkang dan menentang siapa sahaja yang tidak sebulu dengan mereka sekalipun dari golongan mereka sendiri.

Contoh terdekat, dalam Perhimpunan Agung UMNO pada 29 November lalu seorang tokoh agama mereka yang terkenal telah hilang kerusi dalam pertandingan Naib Presiden walaupun beliau telah terbukti mampu menerajui Kerajaan berbelas-belas tahun. Seorang lagi, yang menang dalam pilihanraya umum, pernah memegang jawatan-jawatan penting dalam Kerajaan dan menang pula dalam pertandingan Naib Presiden parti, tidak diberi apa-apa jawatan kerana diragui kesetiaannya. Sebaliknya orang yang kalah, ditolak oleh rakyat dalam pilihanraya umum dan orang yang dikenali segal-galanya, diberi jawatan Menteri penuh.

Dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini juga Usul telah dikemukakan untuk mengharamkan perkataan “Islam” yang dipakai oleh PAS. Berbagai-bagai hujah politik diberi dan berbagai-bagai saranan dikemukakan. Tidak cukup lagi satu ketika dahulu mereka telah mengharamkan simbol “Bulan Bintang PAS”. Terlampau jahil dan buta hati sehingga sanggup bermusuh dan berkelahi dengan kalimah Tuhan. Apakah dosanya sampai hendak dibunuhi perkataan “Islam”? Keliru? Siapa yang keliru? Betulkah “Islam” itu PAS, PAS itu Islam? Siapa kata?

Apa bezanya dengan Pusat Islam, Badan Kebajikan Islam,

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Majlis Agama Islam, Universiti Islam Antarabangsa, Insurans Islam, Pajak Gadai Islam dan lain-lain? Bolehkah ditafsirkan Pusat itu Islam dan Islam itu pusat? Allah SWT telah menjelaskan dalam Al-Quran al-Karim sikap manusia yang seperti ini sebenarnya bukan buta mata tetapi buta hati.

Inilah titik-titik perbezaan tentang kebenaran dan keadilan Islam dan inilah yang menjadi pokok pegangan hidup yang harus dikaji dan diberi nilai-nilai secukupnya supaya jurang pertentangan tidak begitu ketara.

Akibat dari kehilangan nilai-nilai murni dasar Kerajaan dan politik yang tidak bermoral, maka segala cita-cita Kerajaan untuk melahirkan kepimpinan melalui teladan tidak wujud. Amalan bersih, cekap dan amanah tidak dapat dihayati. Kehendak demokrasi berparlimen tidak terlaksana. Kepincangan-kepincangan terus berlaku. Integrasi nasional gagal bahkan sebahagian besar Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Wakil-wakil Rakyat Kerajaan sanggup melakukan perkara yang haram terang-terang di hadapan khalayak ramai tanpa rasa segan, malu, aib dan takut kepada Allah SWT.

Apakah ini kepimpinan melalui teladan? Apakah ini amalan bersih dan nilai murni Kerajaan? Contohnya, bolehkah orang lelaki Islam bersalam dengan perempuan tidak berlapik? Bolehkah orang-orang perempuan pula mendedahkan aurat seperti Menteri kita dan Timbalan Menteri dan Wakil-wakil Rakyat kita? Haramkah atau tidak? Kalau haram, kenapa buat? Menteri sendiri buat dan ada pula Menteri bukan sebarang menteri, tetapi Menteri yang lulus pengajian dalam

bidang tasauf, yang tahu selok-belok hukum agama Islam, tahu halal-haram, yang sepatut menjadi contoh utama dalam usaha Kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam dan menghayati amalan-amalan bersih kepada masyarakat. Tetapi mereka sendiri mencerobohi hukum Allah.

Kalau hukum Allah pun awal-awal lagi ditentang dan boleh dicerobohi dengan sewenang-wenangnya, maka bagaimana pula hukum dan undang-undang yang kita sendiri ciptakan? Maka apakah pula jaminan cita-cita Belanjawan kita yang hendak memupuk rakyat ke arah masyarakat penyayang itu dapat dicapai?

Apa tujuan bawa Usul Agama dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini? Untuk apa Usul Agama? Apa perlu dibahas masalah agama kalau kita tidak sanggup mematuhi agama, kalau agama tidak menjadi pakaian dan selendang hidup kita? Apakah ini manusia yang bertopengkan agama dan memperalatkan agama? Bercakap agama, bahas agama, bincang agama tetapi agama itu juga diperalat, diperkuda dan dipermainkan.

Saya minta tolong jawab mengapa bawa Usul Agama dalam Dewan? Yang saya tahu Usul Agama dalam Dewan berakhir dengan cadangan haramkan perkataam “Islam”, bukan hendak tutup aurat, hendak pakai telekong, bukan hendak lapi tangan supaya tidak bersalam tidak berlapik. Usul di sana haram, halal di sini.

Dalam Titah Ucapan Di Raja yang lepas ada menyebut:  
*“Kebebasan rakyat membuat pemilihan dalam pilihanraya*

*umum merupakan asas demokrasi berparlimen yang diamalkan oleh negara."*

Kalau direnung dan diteliti secara mendalam maka ianya amat bercanggah dan berlawanan dengan ucapan dasar Presiden UMNO yang disampaikan dalam Perhimpunan Agung pada 30 November lepas. Ia berlawanan juga dengan amalan-amalan Kerajaan yang ada, kerana Presiden UMNO atau Perdana Menteri sekarang tidak menerima keputusan rakyat dan tidak mengiktiraf kemenangan Angkatan di Kelantan dalam Pilihanraya Umum pada 21 Oktober lepas. Beliau terlampau tidak senang hati dengan keputusan yang dibuat oleh rakyat Kelantan menolak Barisan Nasional, sehingga menyapu bersih kerusi-kerusi yang dipertandingkan oleh Kerajaan. Beliau mengutuk semua golongan yang menentang dan mengugut Kerajaan baru yang memerintah Kelantan dengan berbagai-bagi ugutan.

Apakah maksud sebenar demokrasi yang dikehendaki oleh Perdana Menteri kita ini? Sokong kerajaan? Jadi Pak Angguk? Jadi kuda tunggangan Kerajaan? Atau bagaimana?

Patutkah, kerana kes kalah, subsidi baja hendak dipotong, bantuan buku-buku teks murid sekolah hendak dihentikan? Kerana kes kalah, Menteri Besar tidak dipanggil mesyuarat bersama dan tidak boleh menjadi Pengurus Keselamatan Negeri, guru-guru ditukar ke Sabah, Raja-raja kena marah sehingga Usul Raja Berperlembagaan dibahas.

Kerana kes kalah, Perdana Menteri berucap dalam perhimpunan partinya seperti kempen pilihanraya umum dan seolah-

olah pilihanraya masih berlangsung lagi. Kerana kes kalah, perkataan “Islam” hendak diharamkan, Menteri-menteri bertekak, bercelaru dan bercanggah antara satu sama lain. Kerana kes kalah, macam-macam tindakan hendak dilakukan sehingga rakyat Kelantan dihukum bodoh dan macam-macam fitnah, hasutan dan tuduhan yang dilemparkan.

Rakyat Kelantan yang mengambil sikap untuk menyatukan orang-orang Melayu dihukum bodoh. Rakyat Kelantan yang memilih dasar Islam yang diturunkan oleh Allah Ta’ala dikira bodoh. Apakah orang yang sanggup memecah-belahkan rakyat itu cerdik pula? Apakah orang-orang yang menentang Islam itu cerdik?

Punya marah Perdana Menteri sehingga tawaran Menteri Besar Kelantan menghulurkan tangan persahabatan menjemput beliau ke Kelantan bagi menjalin kerjasama dan persefahaman dengan Kerajaan Pusat dipertikai dan ditanya, ikhlas atau tidak? Aneh dan ajaib.

Kalau hendak ditanya ikhlas atau tidak, sepatutnya Menteri Besar Kelantan yang tanya Perdana Menteri kerana perkataan ikhlas itu sendiri saya ragu Perdana Menteri faham atau tidak. Sebab, kalau Perdana Menteri faham perkataan ikhlas, dia tidak mengungkit-ungkit lagi keputusan pilihanraya umum di Kelantan kerana itu adalah pilihan rakyat yang melaksanakan hak demokrasi mereka. Tetapi mengapa tidak senang? Mungkin itulah gambaran tidak ikhlas dan nyatalah Perdana Menteri sendiri tidak faham makna ikhlas dan tidak bersedia menghayati amalan demokrasi berparlimen, seperti disaran oleh Titah Ucapan Di Raja itu.

Baliklah kepada matlamat dan cita-cita unggul. Saya nasihatkan kerajaan dan pucuk pimpinan agar jangan terlampaui banyak menuduh dan mencela orang lain, nanti terbuka rahsia kita sendiri. Jangan tepuk air ke dulang, nanti terpercik ke muka sendiri. Kajilah kelemahan, kejahatan, penyelewengan dan penipuan diri sendiri. Apa dosa rakyat Kelantan dalam pilihanraya umum baru-baru ini sampai hendak dihukum mereka? Salahkah memilih parti lain? Apakah rakyat Kelantan tidak membayar cukai kepada kerajaan Pusat?

Untuk menjamin kestabilan hidup, untuk melihat Kerajaan yang kukuh dan negara yang tegap serta rakyat yang selamat, hendaklah dibina dasar yang kukuh dan tegap. Dasar yang kukuh dan tegap menurut kacamata Islam ialah dasar yang dibina di atas nilai-nilai murni; nilai-nilai keimanan dan keyakinan yang sebenar, yang bertunjangkan kepada tauhid dan keesaaan Allah yang Satu.

Saya menyarankan kepada Kerajaan supaya Belanjawan ini kesemuanya berteraskan kepada unsur-unsur kerohanian dan kepada pembangunan insan dan ummah. Jangan dijadikan Belanjawan Kerajaan hanya untuk melihat rakyat kenyang, tidur lena, hati senang, suka puas dan hidup mewah semata-mata. Ini tidak selamat. Politik ini politik kambing dan politik perut yang matlamatnya ke jamban sahaja. Perdana Menteri sendiri pernah mengatakan di suatu ketika, '*kemewahan punca kehancuran*'.

Tetapi inilah yang dikehjarn oleh pemimpin-pemimpin UMNO. Wakil-wakil Rakyat melonjak-melonjak kalau boleh dapat tempat, boleh jadi Timbalan menteri, lebih-lebih lagi Menteri.

Yang sudah jadi Menteri, guna kuasa untuk memeras rakyat, untuk mengisi poket seterik-teriknya.

Belanjawan kali ini ada hubungkait secara langsung dengan 24 Kementerian. Bagaimana penyelenggaraan dan pelaksanaan Kementerian masing-masing dapat bersepada jika matlamat Kerajaan tidak menentu dan samar-samar. Bagaimana cita-cita Kementerian Pendidikan untuk melahirkan insan soleh, abid dan kamil sekiranya masing-masing Kementerian mengejar untung dan laba dengan tidak mengira dan menilai sudut-sudut kerohanian dan tidak ada skim untuk membantah halal-haram, seperti Kementerian Kewangan yang bergelumang dengan dosa judi, arak dan sebagainya.

Begitu juga Kementerian Penerangan, Kebudayaan, Belia dan Sukan dan seterusnya Kementerian-kementerian lain yang penuh cita-citanya untuk mengaut untung dan mengisi poket semata-mata.

Berjayahkah seorang doktor yang membina sebuah klinik atau hospital, sedangkan di samping itu dan di waktu itu juga membina pula kolam nyamuk? Sekarang inilah masalah yang dihadapi oleh negara dan Belanjawan ini.

Dalam strategi Belanjawan ini ada 5 perkara sekurang-kurangnya dapat disuluh bagi menembusi sasarannya:

- (1) membentuk masyarakat penyayang;
- (2) mengekalkan pertumbuhan ekonomi kepada kadar yang tinggi;
- (3) mengawal kenaikan harga;
- (4) membaikiimbangan pembayaran; dan

(5) meningkatkan penyelidikan dan pembangunan serta kemahiran tenaga kerja.

Bagi mewujudkan masyarakat penyayang atau bagi menon-jolkan supaya tema Belanjawan menyerlahkan semangat penyayang, akan diberikan pelepasan cukai pendapatan bagi pembayar cukai yang ada anak cacat dan dilepaskan untuk perbelanjaan perubatan ibu bapa yang masing-masing berjumlah \$1,000.00. Dalam rombakan cukai itu dicadangkan angka baru bagi pelepasan cukai iaitu \$3,000 bagi isteri, \$800.00 bagi anak pertama, \$800.00 bagi anak kedua, dikekalkan \$800.00 bagi anak ketiga hingga kelima, \$1,000.00 bagi anak cacat, \$41,000 bagi perubatan ibu bapa malah ada kemudahan cukai bagi mereka yang membantu orang cacat.

Yang pertama, angka-angka baru itu bukan kerana Kerajaan ini baik sangat atau ia menimbangkan sangat kepayahan rakyat tetapi angka itu sudah sepatutnya lama dibaharui kerana nilai ringgit jatuh, kenaikan harga, inflasi dan sebagainya. Ada tanda-tanda bahawa angka yang baharu itu sendiri pun tidak begitu baik. Faedah ini nampaknya dinikmati oleh pembayar cukai pendapatan tetapi bagi keluarga yang tidak termasuk dalam sistem cukai ini, tidak diberikan apa-apa bantuan apabila mereka ada anak cacat dan terpaksa menyara ibubapa.

Masyarakat Islam, Melayu dan orang Timur sudah sedia mengambil tanggungjawab atas keluarga terdekat yang memerlukan bantuan dan perlindungan. Adalah biasa seseorang itu tidak menghadkan tanggungjawab kepada anak dan isterinya sahaja, mereka juga menanggung ibu bapa, adik

beradik yang miskin, anak saudara yang perlukan bantuan persekolahan dan sebagainya. Di bawah cadangan yang ada, perkara yang disebutkan itu belum diberikan perhatian kerana ia lebih menumpukan kepada anak cacat sahaja.

Kami mencadangkan bagi memupuk rasa kasih sayang ini ialah digalakkan seseorang itu mengambil tanggungjawab atas jirannya yang terlantar. Memberikan tanggungjawab kepada keluarga yang bernasib baik membantu dan membaiki nasib anggota keluarga yang terdekat yang tidak bernasib baik. Jika mereka diberikan kelonggaran cukai maka mereka akan turut memberikan tumpuan kepada masalah jiran dan kelemahan keluarga yang terdekat itu. Jika peranan ini diberikan maka terjalinlah dengan mudah rasa kasih sayang tadi. Lebih dari itu, masyarakat penyayang hanya akan terjadi apabila dihapuskan sikap diskriminasi di kalangan rakyat. Utamakan keadilan tanpa mengira kaum, tanpa mengira fahaman dan kepercayaan agama.

Jika petani hendak diberikan bantuan baja maka semua petani yang berhak dan wajar menerimanya diberikan bantuan baja. Semua Menteri Besar dan Ketua Menteri yang disokong oleh rakyat dari kumpulan yang berlainan jangan diketepikan dari masyarakat sedarjatnya. Jika ini tidak diberikan perhatian, maka cita-cita penyayang itu akan bertukar menjadi benci dan dendam kesumat.

Kita tidak mahu bahawa segala sikap benci, dendam, diskriminasi dan lain-lain sikap keji disorok di bawah apa yang dikenali sebagai ‘memupuk masyarakat penyayang’. Akan gagallah strategi ini jika emosi pemimpin Barisan Nasional

selepas pilihanraya diteruskan juga.

Kedua, strategi mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi. Strategi ini dirasakan akan terlaksana jika ekonomi negara dapat ditentukan sendiri oleh faktor dalam negeri. Tetapi apabila Menteri Kewangan membayangkan bahawa ekonomi negara ini di masa hadapan banyak bergantung kepada Krisis Teluk, maka ini bererti yang menentukan ekonomi negara ialah ekonomi Amerika, Jepun dan Jerman.

Bila ekonomi negara kita dikuasai sepenuhnya oleh golongan kapitalis yang berakar dalam Kerajaan sendiri dan pengaruh monopoli itu begitu kuat dicampur oleh permainan kuasa besar yang Malaysia menjadi Pak Turutnya, payah hendak ditentukan kadar pertumbuhan yang tinggi itu dapat dikekalkan.

Pengaruh yang dapat menentukan apakah ini kekal tinggi dan sebaliknya bukan datang dari kita sendiri tetapi mengikut kemahuan luar. Apakah kuasa besar mahu kadar itu tinggi atau ia mahu keadaan sebaliknya? Keadaan ini jelas apabila penguasaan ekonomi itu sudah mulai beralih semula ke tangan asing. Selepas merdeka, negara berusaha menguasai ekonomi dengan memperbanyakkan penguasaan dalam negeri secara menambah dan memperbanyakkan saham dalam negeri. Tetapi melalui dasar penguasaan saham badan-badan yang dikuasai oleh Kerajaan seperti Telekom, LLN dan sebagainya mulai jatuh ke tangan asing. Justeru itu, ekonomi kita mulai ditentukan oleh pihak luar semula.

Ketiga, mengawal kenaikan harga. Selain daripada kita dapat

menentukan kedudukan ekonomi negara, maka pengalaman lampau Kerajaan nampaknya tidak berupaya untuk mengawal kenaikan harga. Yang boleh menentukan harga turun atau naik ialah para peniaga sendiri. Kerajaan yang bunyinya senantiasa lebih garang dari burung garuda tetapi sebenarnya tunduk kepada kemahuan peniaga. Tambahan pula pengaruh kapitalisme tinggi dan monopoli begitu kuat, maka ia melemahkan lagi pengaruh Kerajaan.

Dunia maju biasanya bergantung besar kepada Persatuan Pengguna dalam menentukan kawalan harga tetapi pengetahuan tentang kepenggunaan di negara ini adalah rendah. Kerajaan sendiri sangat sensitif terhadap pandangan Persatuan Pengguna. Mana-mana pandangan Persatuan Pengguna yang berbeza dengan pandangan kerajaan sangat mudah dicap anti-Kerajaan dan sebaliknya anti-Kerajaan di negara ni adalah sahabat baik dengan khemah tahanan ISA. Justeru itu, strategi ini dirasakan ‘harap ada percaya tidak’.

Keempat, membaikiimbangan pembayaran. Setakat ini yang digambarkan oleh ucapan Belanjawan tentang cara membayar hutang neagara ialah adanya kenaikan harga petrol berikutan Krisis Teluk. Kerajaan Malaysia telah mendapat tambahan pendapatan lebih dari \$1 juta sehari bagi kenaikan \$1 dolar Amerika bagi setiap tong petrol.

Sejak Krisis Teluk, Malaysia telah menemui durian runtuh setiap saat. Oleh itu, Malaysia berjudi dengan Krisis Teluk itu. Ia mahukan keuntungan minyak bagi membayar hutang negra tetapi terpaksa menanggung risiko ekonomi negara yang lebih buruk apabila Krisis itu menjaskan ekonomi dunia

termasuk Amerika.

Cara-cara lain seperti yang disebutkan dalam belanjawan lalu, kononnya Kerajaan sibuk mengendalikan pembayaran hutang asing tetapi kesibukan itu rupanya adalah untuk membuat pinjaman baru bagi membayar pinjaman lama. Akhirnya hutang lama bertambah walaupun Kerajaan begitu sibuk membuat bayarannya.

Manakala strategi kelima ialah meningkatkan penyelidikan dan pembangunan serta kemahiran tenaga kerja. Kita mengalukan dasar ini kerana suara ini telah dikemukakan oleh PAS di dalam Sidang mereka. Apa yang kita tunggu sekarang ialah pelaksanaannya. Tetapi suka saya mengingatkan jika penyelidikan dan pembangunan itu dibuat demi memikirkan bagaimana kuasa Barisan Nasional hendak dipertahankan, maka ia tidak akan mampu membantu pelaksanaan lain-lain strategi di atas.

Kini kakitangan Kerajaan mulai bersungut sejak adanya Institut Kajian Ekonomi Malaysia, badan penyelidikan yang terkemuka, maka Kerajaan kurang memberi perhatian kepada pandangan Unit Kajian Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri terutama dalam merangka Belanjawan. Kerajaan lebih banyak berunding dengan badan-badan ini serta para korporat dalam menentukan arah Belanjawan.

Kerajaan hanya bergantung kepada pandangan dan nasihat kakitangan Kerajaan apabila hendak menjawab sesuatu pertanyaan yang ditimbulkan oleh anggota Parlimen dalam setiap sidang. Ini menyebabkan kadang-kadang Menteri boleh

memberi jawapan dan pandangan yang tidak tepat kerana jawapan Menteri bergantung kepada nasihat pegawai sedangkan pegawai Kerajaan tidak banyak dirundingi ketika Belanjawan dirancang. Kerajaan hanya meminta pegawai menyiapkan apa yang dikehendaki tetapi strategi dan arah Belanjawan ditentukan oleh pihak lain.

Dalam menyelesaikan segala masalah, Kerajaan harus peka dan jangan silu-malu untuk menerima kritikan dan teguran yang membina dari pihak kami Pembangkang. Kami bukan tegur membabi buta dan hentam keromo tetapi keikhlasan kami harus diambil kira. Kami mempunyai hujah dan kenyataan seperti apa yang kami sarankan. Ia adalah hasil dari kebenaran yang kami perolehi bahkan kami yakin kami sentiasa berada di pihak yang benar dan betul.

Janganlah mempertikaikan kemenangan Angkatan di Kelantan dengan menjaya hujah-hujah palsu dan jangan menuduh dengan berbagai-bagai tuduhan yang karut-marut. Hentikanlah segala rancangan jahat dan tidak bertanggungjawab untuk mengubah pandangan rakyat Kelantan yang sudah jemu dan bosan dengan seribu satu macam penipuan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan Kerajaan Barisan Nasional.

Rakyat Kelantan sudah tidak yakin lagi pada kemampuan UMNO menyelesaikan masalah negara dan agama. Bahkan mereka ingin melihat model sebuah Kerajaan Negeri yang berteraskan Islam sebagai ad-Deen di tengah pemerintahan negara sekular. Berilah masa, berilah peluang kepada rakyat Kelantan dan kerajaan Angkatan yang baru itu. Batalkanlah

simbol ‘dacing’ yang dirancang untuk diletakkan di beg-beg subsidi kerana kerja itu adala kerja peraih sate. Takkanlah fikiran Menteri Pertanian secetek itu.

Saya sebagai wakil rakyat atau kita sebagai Kerajaan yang dipilih oleh rakyat cubalah kita renung satu ayat Allah yang merupakan garis panduan yang ditunjukkan oleh Allah SWT kepada kita dalam membina kehidupan bernegara dan memimpin rakyat ke arah kestabilan hidup yang harmonis bagi memupuk masyarakat penyayang. Ayat ini juga membawa kita mengenalpasti dasar negara dan dasar Kerajaan yang memerintah di mana setiap kita apabila diberi kuasa atau mendapat kuasa memerintah hendaklah melaksanakan apa perkara sebagai program pembangunan rakyat yang hakiki dan asasi.

Ayat itu menyebutkan tanggungjawab-tanggungjawab pemimpin, iaitu menyempurnakan ibadat sembahyang; menunai-kan ibadat zakat; menyuruh manusia berbuat baik; dan mencegah manusia dari melakukan perkara mungkar. Ertinya Kerajaan bertanggungjawab mendidik dan mengasuh seluruh rakyat supaya mengukuhkan tali perhubungan hidup dengan Allah SWT melalui ibadat sembahyang. Di samping itu, Kerajaan juga mesti megajar dan mendidik rakyat melalui amalan zakat untuk memupuk perasaan kasih mesra dan sayang menyayangi sesama saudara.

Seterusnya segala perkara yang baik hendaklah digalakkan dan diperintah menjadi amalan-amalan hidup rakyat seluruhnya. Sebaliknya apa sahaja punca kemungkaran dan jenis-jenis maksiat yang akan merosak dan menjelaskan kehidupan rakyat hendaklah dihapus dan dibanteras habis-

habisan.

Kerajaan hari ini bertangungjawab membiarkan maksiat berleluasa dalam negara dan kerajaan sengaja mewujud dan menghidupkan amalan-amalan sesat untuk dijadikan hidangan dan makanan hidup rakyat. Dan inilah cara amalan dan style Kerajaan sekular untuk menghancurkan nilai-nilai murni rakyat. Tetapi apabila terserempak dengan kebenaran, Kerajaan cuba melempar batu kepada orang lain khususnya kepada pihak Pembangkang.

Inilah masalah yang saya sengaja tarik perhatian supaya kita tidak akan lalai dan hanyut dengan Belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan. Saya tidak menentang apa yang dirancang dan dikemukakan melalui Belanjawan, tetapi saya tidak yakin kemampuan pemimpin-pemimpin untuk melaksanakan. Pertamanya kerana dasar Kerajaan bercanggah dengan nilai-nilai murni dan hasrat mulia.

Sebab itu dalam Kerajaan hari ini kita tahu ada dua golongan utama; satu golongan cerdik pandai dalam bidang agama; satu lagi golongan cerdik pandai dalam pentadbiran negara. Kedua-dua golongan ini harus ada persefahaman, seia-sekata dan dapat menyatukan satu-satu pegangan. Sebab Rasulullah SAW telah bersabda bermaksud:

*“Dua golongan manusia bila baik dua golongan ini nescaya baiklah manusia. Sebaliknya bila rosak dua golongan ini akan rosaklah manusia. Pertamanya para ulama, yang keduanya para pemerintah.”*

Saya sudah menyatakan dalam kerajaan ramai golongan bijak

pandai dalam mengurus pentadbiran negara dan ramai juga ahli bijak pandai dalam agama. Tetapi mengapa ahli cerdik pandai dalam agama sepanjang masa hidup menjadi alat, menjadi syaitan bisu dalam kerajaan, tidak mahu menegur atau menasihat? Mengapa pihak pentadbir yang tahu salah tidak mahu tunduk dan patuh kepada kebenaran cerdik pandai agama? Dan kalau dalam satu pentadbiran fikiran sudah ber-canggah, maka dengan sendirinya amalan bercanggah. Akibat daripada itulah kegelisahan timbul dalam masyarakat dan rakyat sentiasa nampak penyelewengan-penyelewengan.

Bagi menyelesaikan segala masalah, pertamanya saya minta pihak Kerajaan tunjukkan contoh. Cara untuk menunjukkan contoh, alim ulama, cerdik pandai dan orang yang tahu hukum-hakam Islam, tolong beri teguran kepada pemimpin terutama sekali kepada Perdana Menteri. Saya tahu antara pemimpin Kerajaan sendiri pun ada hasrat untuk melihat sesuatu kebaikan dan itulah cita-cita murni. Tetapi bila mana ‘alim ulama mendiam diri, membisu, hanya tunggu kalau ada ‘buah-buah’ luruh, maka akan bebaslah berlakunya apa yang bercanggah dengan nilai-nilai murni.

Inilah yang menjadi masalah kepada kita dan hari ini saya dapat menyatakan bahawa Kerajaan telah gagal dan akan bertambah gagal. Puncanya ialah kerana pemimpin-pe-mimpin tidak bersefahaman dan tidak sehala. Cerdik pandai dalam bidang agama menjadi kuda atau alat kepada cerdik pandai dalam urusan pentadbiran.

Sebab itulah, kalau dulu Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang tahu selok-belok agama dan faham urusan agama, yang

memainkan peranan dalam menguruskan hal agama, pada hari ini beliau sudah dibawa ke Kementerian lain di mana yang saya tahu bukan bidangnya bagaimana hendak jaga permit teksi.

Kenapa kita tidak boleh beri tanggungjawab sesuai dengan bidang dia? Kalau tidak mampu dengan bidang dia, bagaimana hendak diberi bidang lain? Sebab itulah saya katakan, satu daripada penyelewengan untuk menolak nilai-nilai murni, ialah orang yang sudah dikenal sebagai tokoh agama tidak dapat tempat dalam parti. Agaknya mereka takut payah hamba Allah hendak mencari kesempatan kerana matanya terlampau terang, mulut cepat menegur. Ini Kerajaan tidak mahu.

Walaupun kami dari pihak Pembangkang tidak menerima konsep dan dasar Kerajaan, kami tidak menentang secara bodoh dan melulu. Berilah peluang kepada kami dengan Angkatan di Kelantan, biar sampai dua tahun jangan tidak sampai dua bulan pun sudah kecoh.

Baru-baru ini Timbalan Menteri Kesihatan, ketika menjawab soalan tambahan daripada wakil Shah Alam telah mengaitkan bagaimana pekerja wanita dalam hospital kalau disekat juga. Yang berlaku di Kelantan ialah pekerja wanita dalam kilang, tetapi yang disoalnya pekerja wanita di hospital.

Kita sebagai pemimpin Islam tidak menyekat kerja. Kerja ini tanggungjawab kita. Tetapi Timbalan Menteri Kesihatan jawab awal-awal, dengan tidak tahu-menahu dan tidak faham. Itu tidak bertanggungjawab, senantiasa memutarbelitkan fakta yang sebenar.

Saya mengingatkan Kerajaan untuk mengelak daripada jurang pertentangan yang amat ketara. Cubalah kita menghor mati pandangan pihak Pembangkang. Lebih-lebih lagi Kera jaan Angkatan di Kelantan yang tidak pernah melakukan sesuatu penyelewengan, tetapi awal-awal lagi cuba hendak disembunyi baja. Hak siapa baja itu? Hak Menteri Pertanian? Hak Kerajaan Barisan Nasional? Tolong jawab!

Kalau mahu ditampal gambar dacing pada baja, kenalah ditampal juga pada semua subsidi Kerajaan; basikal pun kena tampal, ayam, itik, hatta beruk pun kena tampal. Biar orang kenal dacing Barisan Nasional - baru mudah orang menolaknya dalam Pilihanraya yang akan datang ini. Insya Allah. Wassalam.

# PAS Sedia Kerjasama Bangunkan Negara

(Dewan Rakyat, 11.1.91)

---

SAYA mengambil peluang sekejap untuk menyentuh satu dua perkara merujuk kepada Butiran Keselamatan Negara, Pasukan Petugas Anti Dadah, peruntukannya \$3,229,000 rujukan Aktiviti Petugas Anti Dadah.

Dalam hal ini sudah acapkali saya membuat teguran kepada Kerajaan dan Kerajaan sendiri pun telah mengambil langkah-langkah dalam usaha membasmi najis dadah ini dengan meminda akta-akta dan menambah peruntukan-peruntukan seperti dalam butiran yang ada di hadapan kita sekarang ini. Bagaimanapun tidak keterlaluan kalau saya katakan Kerajaan masih gagal dalam usaha pembasmiannya sekalipun Kerajaan tidak akan bersetuju dengan kenyataan saya ini.

Saya berani berkata demikian berdasarkan apa yang berlaku sekarang. Saya tidak tahu apakah punca sebenar yang menyebabkan kegagalan ini masih berlaku sedangkan hukuman

yang dikenakan terlampau berat; bukan setakat bunuh, tetapi merampas harta-benda mereka yang terlibat. Ia sudah lebih daripada hukum Islam yang ditakut-takut itu.

Inilah yang membawa saya bangun lagi untuk menarik perhatian Kerajaan lagi mogamoga mendapat perhatian sewajarnya. Mengikut maklumat yang terdapat sekarang, penagih dadah ada seramai 145,000 orang. Begitu juga pemimin arak atau penagih alkohol ada seramai 200,000 orang. Dari Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubat-ubatan USM terdapat angka angka penyalahgunaan seramai 450,000 orang. Sejumlah 20 peratus yakni 90,000 menggunakan suntikan.

Kerajaan melalui PEMADAM memanggil mereka yang terlibat dengan dadah untuk memberi ceramah kepada penagih dadah di Pusat Serenti. Maka berlakulah, sebagai contoh, selepas membimbing penagih ternyata ia sendiri masih penagih hingga ke hari ini. PEMADAM memanggil sebuah kumpulan rock untuk memberi ceramah kepada penagih, sedangkan kumpulan ini sudah dua-tiga kali ditangkap kerana disyakki penagih dadah. Ceramah ini disiarkan pula melalui siaran berita TV3. Kerajaan cuba menggambarkan kumpulan musik rock adalah orang baik, sedangkan pihak polis sentiasa mengintip mereka kerana disyakki terlibat dengan dadah. Bagaimana tikus hendak membaiki labu?

Sekarang 32 orang artis pula terlibat dengan dadah. Ini laporan polis. Kalau dahulu orang-orang awam, murid-murid sekolah, anggota polis dan askar-askar terlibat dengan najis dadah tetapi sekarang artis-artis pula terlibat dengan najis dadah ini. Kesemuanya ini Kerajaan tidak boleh nafikan dan

terbuktilah usaha Kerajaan selama ini gagal dan sasarannya tidak tepat.

Dahulu saya mengatakan penyakit ini adalah penyakit rohani. Cara untuk mengubati dan merawatnya mestilah melalui pakar doktor rohani dan Kerajaan tidak akan berjaya hanya melalui ubat Akta dan peruntukan semata-mata seperti yang dilakukan sekarang. Bahkan ia akan menjadi sia-sia sahaja. Saya mencadangkan supaya Kerajaan mengadakan lebih banyak program-program kuliah, usrah dan latihan rohani seperti qiyamullail, berzikir banyak-banyak dan sebagainya kepada penagih-penagih yang beragama Islam. Jemputlah penceramah-penceramah yang berkemampuan untuk membimbing mereka dengan sebaik-baiknya. Bukan penagih membimbing penagih; tidak pernah berlaku dalam dunia, orang sakit mengubat orang sakit sekalipun ia doktor pakar.

Kalau Kerajaan tidak cukup tenaga, jemputlah kami orang-orang PAS untuk memberi ceramah sama. Insya Allah kami bersedia memberi kerjasama dengan Kerajaan. Bahkan pernah suatu ketika dahulu Timbalan Menteri Dalam Negeri mencabar saya dalam Dewan yang mulia ini untuk memberikan kerjasama. Tetapi bila saya sahut cabaran itu, malang sampai ke hari ini saya tunggu reaksi pun tidak ada. Petang ini saya tawarkan sekali lagi kepada Kerajaan khususnya Timbalan Menteri berkenaan. Kalau untuk mendapatkan kerjasama dari kami dan kalau Kerajaan masih percaya dengan keikhlasan dan kemampuan kami, berilah peluang sebaik-baiknya.

Saya menyentuh perkara ini kerana mengikut pandangan

dalam pegangan kami, Islam yang kita anuti sebenarnya merupakan satu tapak atau asas. Di mana kekuatan tapak ini tidak dapat dibina, maka segala usaha yang dilakukan dalam apa bentuk dan rupa sekalipun, bagaimana cantik dan indah sekalipun; dia tidak akan kekal. Pembangunan-pembangunan yang diatur dan disusun oleh Kerajaan terutama sekali yang kita bahaskan dalam Belanjawan berhari-hari untuk melihat Malaysia ini berjaya dan sebagainya, saya percaya ia tidak akan berjaya selagi usaha untuk membanteras penyakit-penyakit rohani ini tidak kena pada sasarannya.

Dalam Bahagian Hal Ehwal Islam peruntukan sebanyak \$59,576,500. Dalam Buku Program dan Prestasi, saya amat tertarik kerana saya nampak lengkap dengan berbagai-bagai aktiviti mulai daripada Aktiviti Urusetia I, Aktiviti Urusetia II, Aktiviti Penyelidikan Islam, Aktiviti Ajaran Sesat, Aktiviti Dakwah, Aktiviti Pengajian Al Quran, Aktiviti Masjid Negara, Aktiviti Penerbitan, Aktiviti Pentadbiran dan Penyelaras, Aktiviti BAHEIS Sabah dan Aktiviti BAHEIS Sarawak. Program dan Prestasi ini sudah cukup bagi Kerajaan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam usaha untuk membangunkan ummah dan mengembangkan agama Islam. Apa lagi untuk memberi perkhidmatan urusetia yang cekap dan berkesan bagi badan-badan yang ditubuhkan oleh Jabatan.

Bagaimanapun, saya tidak berpuas hati dan amat dukacita melihat keadaan yang berlaku di sekitar tanahair hari ini. Kita masih tidak nampak kesan positif dan tidak ada panduan yang jelas yang boleh membawa ke arah program-program yang tercatat dalam buku ini.

Contohnya, dalam masalah fatwa Kerajaan tidak pernah bertindak awal dan bersikap tegas untuk memandu rakyat supaya mengenal hak kebenaran sesuatu hukum, sama ada benar atau tidak. Kerajaan tidak sanggup berterus-terang dengan apa yang dinaskan oleh hukum sehingga rakyat terumbang-ambing, hilang punca, meraba-raba, berkelahi di antara satu sama lain. Lebih-lebih lagi dalam perkara yang menyentuh periuk nasi Kerajaan dan terkena perut Kerajaan sendiri, pantang Kerajaan mengeluarkan fatwa. Misalnya ASN, loteri dan sebagainya.

Ini membuktikan Kerajaan terlampau lemah bahkan nam-paknya tidak berminat untuk melihat perkembangan Islam dan kemajuan agama berlaku dalam tanahair sendiri. Kerajaan lebih suka melihat gejala-gejala maksiat dan amalan-amalan mungkar yang bertebaran hidup dalam negara di mana Kerajaan sendiri mengepalai dan mengeluarkan lesen-lesen kemudahan. Apakah Kerajaan tidak pernah kaji sejauh mana peranan dan tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Jabatan dan badan-badan berkenaan? Apakah Kerajaan sudah berpuas hati dengan usaha-usaha yang mereka lakukan sekarang? Saya minta Kerajaan kaji balik dan menggembelingkan tenaga sepenuhnya dalam menentukan kejayaan program-program ini.

Peruntukan \$59 juta lebih dalam bahagian ini akan hilang percuma sekiranya perhatian dan tindakan positif tidak dilakukan dengan betul dan tepat pada sasarannya. Mengapa Kerajaan tidak peka dan sensitif dengan benda-benda yang jelas haram dan salah dari segi hukum syarak? Mengapa Kerajaan tidak berani bertindak tegas? Jawab saya, kerana

sebahagiannya menjadi amalan Kerajaan. Kerajaan bimbang cita-cita dan tujuan buruk dan jahatnya terbantut. Ia juga bimbang takut rakyat tidak memihak kepadanya.

Contohnya - perkara ini saya ulang bangkit sedangkan ia sudah lama saya bangkitkan - saya kata sepatutnya ASN mendapat fatwa daripada mufti-mufti, atau daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam. Kemudian laksanakanlah apa-apa projek dan rancangan Kerajaan, lebih-lebih lagi projek besar yang menguntungkan kepada rakyat. Tetapi dukacita dalam Malaysia ini ada seramai 13 orang Mufti, ada Jabatan Agama, ada Majlis Agama, Kerajaan tidak minta fatwa. Bila ditimbulkan masalah ini dan ada pandangan yang mengatakan haram - pertama sekali dari kami PAS bahawa ASN ini haram - sepatutnya Kerajaan usaha perjelaskan dengan memanggil mfti-mufti dan mengeluarkan fatwa. Tetapi Kerajaan tidak berani, kerana Kerajaan fikir untung dan laba. Kerajaan fikir poket dan perut, bukan Kerajaan fikir kedudukan rakyat dan kejernihan rohani mereka.

Yang paling aneh, Kerajaan lebih suka mengambil dan menimbulkan masalah-masalah dalam perkara remeh-temeh dan yang ada nas syarak, tidak bercanggah. Itulah yang diheboh-hebohkan kerana terjejas kedudukan Kerajaan, seperti perkataan ‘Islam’ yang ada pada PAS, menyebut hari Peristiwa Memali, rancangan Kerajaan PAS dan Angkatan untuk mengkaji kedudukan pekerja-pekerja wanita di kilang, tindakan Kerajaan Kelantan tidak mahu menghantar peserta wanita dalam Pertandingan Al Quran dan rancangan untuk melaksanakan hukum-hukum hudud dengan meminda perlombagaan. Kesemua ini sebenarnya kewajipan kita umat Islam

mengkaji dan melaksanakan dengan baik dan bijaksana tanpa perlu dipertikaikan lagi. Tetapi sayang, kes pandangan Ustaz Ahmad Awang mengenai Memali, maka Ahmad Awang pula diserang, diburu dan mungkin akan diambil tindakan tata-tertib, kerana dikatakan bercanggah dengan peraturan sebagai pegawai.

Jadi, perkara-perkara seperti inilah nampak Kerajaan serius dan bersungguh. Sedangkan perkara yang tentu haram seperti arak, judi, dan maksiat yang Kerajaan sendiri berusaha, tidak ada siapa pun yang ambil tahu. Perkara yang menjadi tanggungjawab kepada Kerajaan dan kepada umat Islam semua tidak pernah ditimbulkan dan tidak pernah dibangkitkan.

Baru-baru ini suratkhabar mengeluarkan kenyataan usaha dari pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam mengenalpasti beberapa ajaran sesat dan telah menyenaraikan berpuluhan puluh ajaran sesat. Tetapi mengenai usaha Kerajaan dalam menyenaraikan ajran sesat ini, saya ingin tahu sejauh mana Kerajaan telah mengambil langkah dan membuat penyiasatan bagi mengenal pasti dan sejauh mana tindakan-tindakan yang telah dilakukan ke atas mana-mana ajaran yang telah dikenalpasti oleh Jabatan. Sebab, ada dua perkara yang menimbulkan tandatanya.

Pertama, masalah penyiasatan dan penyelidikan. Kedua, masalah tindakan dan hukuman. Setahu saya walaupun berpuluhan-puluhan kumpulan telah disenaraikan sebagai ajaran-ajaran sesat, tetapi mengikut penyelidikan dan penyiasatan, saya nampak pihak berkenaan tidak mengambil tindakan sepenuhnya.

Dalam Dewan ini dahulu saya sudah tanya, kalau Kerajaan hendak buktikan ajaran sesat, apakah dasar ideologi fahaman-fahaman mengenai politik tidak terlibat dengan ilmu, tidak terlibat dengan pelajaran, kalau terlibat dengan ilmu dan pelajaran, apakah dia tidak boleh dikaitkan dengan ajaran sesat? Kalau dia boleh dikaitkan dengan ajaran sesat, bagaimana pandangan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam? Bagaimana mengikut kehendak fatwa syarak, apakah ajaran yang diperjuangkan oleh manusia, ideologi-ideologi yang dibawa oleh manusia, mana ideologi yang sesat, mana ideologi yang tidak sesat? Cuba keluarkan fatwa.

Tetapi Kerajaan tidak berani. Jabatan Agama sendiri tidak bertanggungjawab mengkaji dan mendedahkan. Bahkan dalam hal hukum hudud, Kerajaan sendiri telah mengadakan Sidang Ulama seluruh Malaysia bertempat di Kedah dahulu dan telah dikeluarkan ketetapan bahawa hukum hudud mesti dilaksanakan dan layak Kerajaan melaksanakan. Tetapi sampai hari ini hilang begitu sahaja. Alih-alih apabila Kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah memerintah Kelantan dan cuba hendak memperkenalkan cita-cita Islam yang menjadi asas kepada perjuangan, usaha ini banyak mendapat teguran. Dan dikatakan hukum hudud ini tidak boleh dilaksanakan kerana bercanggah dengan Perlembagaan Malaysia. Apakah kalau Kerajaan mahu kepada Islam, ia tidak boleh pinda Perlembagaan Malaysia? Kerajaan ada dua pertiga, kalau sama-sama berhasrat.

Apabila Kerajaan Kelantan cuba mengharamkan judi dan arak maka Sabah pun cuba dan negeri-negeri lain pun cuba. Sarawak sudah keluar kenyataan. Dan banyak negeri-negeri

akan mencontohi. Mengapa Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Pusat sendiri tidak laksanakan? Kalau benar inilah konsep kita, inilah matlamat, tanggungjawab, dan kewajipan kita, pindalah Perlembagaan, jangan mempertikai.

Siapa yang mencipta Perlembagaan? Tidak ada benda yang tidak boleh dipinda, melainkan Al Quran sahaja. Ciptaan manusia kita boleh buat, kita boleh hapus terus. Tetapi Kerajaan nampaknya cuba mempertahankan kemungkarannya supaya dia tidak dapat meminda. Inilah pemnyelewengan! Patut hormat kepada Kerajaan Angkatan. Baru dua bulan memerintah, sudah menonjolkan kepada masyarakat hasrat melaksanakan Islam. Tetapi jangankan Kerajaan Pusat hendak sokong, mereka gugat pula, seperti acap ditulis oleh penulis khusus dalam sebuah akhbar harian negara ini yang cuba memutarbelitkan kenyataan.

Akhir sekali saya mintalah kepada jabatan yang berkenaan supaya mengkaji Jabatan Hal Ehwal Agama Islam ini dan cuba memainkan peranan. Saya khuatir dengan program dan aktiviti-aktiviti yang diatur itu. Ia merupakan suatu kelemahan yang ada di dalam badan ini yang menyebabkan gambaran yang sebenar tidak dapat dilihat oleh rakyat. Khususnya saya percaya, barangkali orang yang bertanggungjawab dengan badan ini tidak berani. Kerana kalau mereka kemuka pun cadangan mereka harus diketepikan. Dan patut Kerajaan memperbanyak pakar-pakar agama dalam badan ini ataupun dalam bidang ini.

Ada dua perkara yang saya tidak puas hati mengenai masalah ajaran sesat. Pertama tentang penyiasatan dan penyelidikan.

Yang kedua, tentang tindakan dan hukuman.

Misalnya dalam penyelidikan, sepatutnya Pusat Islam ini buat kajian dan penyelidikan secara menyeluruh. Seperti yang pernah saya katakan mengenai dasar-dasar, teori-teori politik dan ideologi-ideologi politik, patut dikaji manakah satu ideologi yang boleh kita pakai, mana satu ideologi yang ber-canggah. Kemudian kita kemukakan supaya dapat pandangan, keputusan ataupun khususnya dapat fatwa daripada pihak ahli hukum. Barulah kita tidak berbalah. Barulah PAS dan UMNO tidak ada perbezaan apa pun.

Yang kedua, tindakan dan hukuman. Banyak terdapat hari ini, kalau mengikut senarai yang dikeluarkan itu yang telah dihukumkan oleh pihak berkenaan sebagai mereka yang terlibat dengan ajaran sesat. Mereka sudah dihukum bercanggah, sudah dihukum murtad, tetapi pada hari ini bagaimana? Keadaan mereka sama sahaja dengan yang tidak terlibat dengan hukum. Pertubuhan yang dihukum sesat berjalan dengan baik, orang yang dihukum murtad pun masih jadi ahli UMNO. Bolehkah orang murtad jadi ahli UMNO?

Orang murtad adalah orang yang terkeluar daripada Islam, sedangkan dasar UMNO, ahlinya orang Melayu-Islam. Mengapakah orang yang keluar daripada rukun masih boleh jadi ahli UMNO? Tetapi mengapa perkara ini tidak bising? Masih banyak perkara lagi, Tuan Pengurus, benda-benda yang menjadi hujah, yang membawa kepada kekeliruan.

Sebab itu tidak usahlah pertikaikan apa yang saya hujah petang ini. Carilah ruang yang lain kalau masih tak puas hati.

Kita adakan satu majlis khusus. Kami bersedia untuk bermuzakarah dan sepanjang masa dasar kami terbuka. Kalau UMNO tidak pengecut, tidak bacul, mahukan kepada kebenaran, usaha pendekatan itulah tanggungjawab kita.

Tuan Pengerusi, mengikut apa yang saya tahu, Kerajaan dengan rakyat samalah bayang-bayang dengan pengukur; tidak akan betul bayang-bagynag selagi pengukur tidak betul. Bayang-bayang boleh jadi betul kalau pengukur itu betul. Begitulah rakyat dengan kerajaan. Tidak akan jadi betul rakyat kalau selagi Kerajaan tidak betul:

*“Manusia mengikut agama Kerajaan”.*

Kalau kerajaan berjudi, rakyat berjudi. Kalau Kerajaan minum, rakyat minum. Kalau Kerajaan menipu, rakyat menipu. Bapak borek anak rintik.

Jadi Kerajaan hari ini semuanya ada; kita hendak memaksa rakyat jangan menghisap rokok, Kerajaan sendiri benarkan jual rokok, berniaga rokok; kita hendak paksa rakyat jangan rasuah, yang Kerajaan sendiri rasuah. Bapak borek anak rintik.

Saya harap segala saranan saya itu akan mendapat perhatian khususnya daripada Jabatan yang berkenaan.

# **Soalan-soalan Dan Jawapan-jawapannya**

*(Dewan Rakyat, Penggal Pertama Parlimen Kelapan)*

---

## **KAJIAN TERHADAP PERSARAAN AWAL**

*1. Meminta Perdana Menteri menyatakan:*

- (a) setakat mana kajian-kajian telah dibuat untuk memberi peluang kepada kakitangan Kerajaan membuat pencen pilihan setelah berusia 40 tahun sebagai yang disarankan oleh Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawan yang lalu; .*
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk membentangkan hasil kajian itu sekarang. Jika tidak, mengapa;*
- (c) adakah apa-apa halangan menyebabkan sudah setahun lebih selepas saranan itu dibuat perkara itu belum diputuskan lagi; dan*

*(d) jika rancangan itu dilaksanakan adakah pada pandangan Kerajaan akan disambut oleh para pegawai Kerajaan.*

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha] menjawab:**

Kajian mengenai saranan Menteri Kewangan supaya umur persaraan pilihan sendiri diturunkan kepada umur 40 tahun telah dibuat dan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Pencen berkenaan untuk melaksanakan saranan ini akan dibentang dalam Parlimen penggal ini. Sama ada pegawai Kerajaan akan menyambut persaraan pada umur 40 tahun, itu adalah sukar untuk diramalkan.

*Soal tambahan: Saya ingin tahu sekiranya berlaku kakitangan Kerajaan menyahut tujuan untuk bersara dalam umur 40 tahun, apakah akan berlaku dalam urusan Kerajaan sekiranya tindakan ini dilakukan secara beramai-ramai?*

Yang kedua, adakah kerajaan sedar bahawa kematangan dan kepakaran pemikiran seseorang itu tidak berlaku sebelum umur 40 tahun. Kalau sekiranya Kerajaan sedar, apakah tujuan Kerajaan memberi peluang begitu awal kepada kakitangan Kerajaan untuk bersara. Adakah untuk memberi peluang kepada orang baru memegang jawatan ataupun bagaimana?

**Dato' Abang Abu Bakar:** Kita belum tahu sambutan dari pada kakitangan awam Kerajaan. Apabila Akta Pencen 1990

ini diluluskan, takkan semua 100 peratus pekerja-pekerja Kerajaan yang berumur 40 tahun akan bersara serentak.

Soal kematangan - tujuan Kerajaan memberi peluang kepada pekerja-pekerja Kerajaan bersara pada umur 40 tahun ialah untuk memberi peluang kepada mereka menjalankan tugas ataupun berkecimpung dalam pihak swasta.

## **PENSWASTAAN KERETAPI TANAH MELAYU**

*2. Meminta Menteri Pengangkutan menyatakan:*

- (a) sejauh manakah perkembangan dan kemajuan cadangan penswastaan Keretapi Tanah Melayu (KTM);*
- (b) sila nyatakan nilai harta dan tanah kepunyaan KTM yang akan dilibatkan dalam cadangan penswastaan tersebut; dan*
- (c) benarkah ura-ura bahawa cadangan penswastaan KTM akan dibatalkan. Jika benar, mengapa.*

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha Ismail] menjawab:**

- (a) Bagi tujuan perbadanan Keretapi Tanah Melayu sehingga ini Rang Undang-undang Keretapi 1991 dan Rang Undang-undang Keretapi (Syarikat Pengganti) 1991 sedang disiapkan.
- (b) nilai harta dan tanah KTM mengikut satu penilaian yang

telah dijalankan pada tahun 1986 dianggarkan berjumlah \$706,004,052.00.

(c) adalah tidak benar cadangan penswastaan KTM akan dibatalkan. KTM sebenarnya akan diperbadankan dahulu sebelum ia diswastakan.

## RANCANGAN PEMBANGUNAN TANAH TERBIAR

*3. Meminta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan bahawa tanah terbiar yang luasnya kini sekitar 1,900,000 hektar adalah isu yang sudah lama disedari:*

*(a) apakah menyebabkan pembangunannya juga terbiar begitu lama dan hingga kini tidak ternampak ada rancangan konkrit Kerajaan atas perkara ini bagi meningkatkan taraf sosio-ekonomi penduduk luar bandar; dan*

*(b) adakah rancangan keadaan ini sebagai bukti yang kerajaan tidak ada idea untuk merancang pembangunan.*

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Dato' Mohamed bin Jamrah] menjawab:**

(a) Kerajaan memang menyedari kewujudan tanah terbiar di negara kita ini. Bagaimanapun, mengikut kajian yang dijalankan pada tahun 1978, tanah terbiar yang dikenalpasti hanya berjumlah 560,000 hektar.

Dakwaan bahawa Kerajaan tidak membuat sesuatu rancangan untuk membangunkan kawasan berkenaan adalah tidak benar kerana sejak awal tahun 90an FELCRA telah mula membangunkan tanah-tanah terbiar ini untuk dijadikan kawasan pertanian yang produktif serta memberikan hasil kepada pemilik-pemiliknya iaitu selaras dengan konsep serta matlamat pembangunan luar bandar secara keseluruhannya.

Sehingga akhir tahun 1990 FELCRA telah memulihkan kira-kira 247,590 hektar. Daripada jumlah ini kira-kira 110,000 hektar telah dipulihkan dalam Rancangan Malaysia Kelima dari tahun 1986-1990.

Di samping usaha FELCRA, Kementerian Pertanian juga telah memulihkan sawah terbiar seluas 30,681.6 hektar sejak tahun 1981. Usaha-usaha ini akan diterus dan dipesatkan lagi di bawah Rancangan Malaysia Keenam.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan terus berusaha untuk memulih dan memajukan tanah-tanah terbiar ini bersama-sama dengan agensi-agensi pembangunan lain seperti Kementerian Pertanian, Lembaga Pertubuhan Peladang dan sebagainya.

Dengan keterangan-keterangan di atas, jawapan kepada soalan (b), adalah ‘tidak benar’.

*Soalan Tambahan: Adakah Kerajaan yakin dengan amalan biasa. Ataupun usaha-usaha seperti yang dilakukan selama ini tidak dapat menyelesaikan masalah dan kita sudah masuk dalam Rancangan Malaysia Keenam hari ini. Adakah Kera-*

*jaan akan mengkaji dan merancang untuk mengadakan cara-cara lain ataupun usaha-usaha baru bagi mengatasi masalah tanah yang terbiar ini supaya ia dapat diselesaikan dan disempurnakan dengan baik?*

**Dato' Mohamed bin Jamrah:** Kita hanya melaksanakan pembangunan tanah terbiar bermula pada tahun 1983, bukan bermula daripada Rancangan Malaysia Pertama. Jadi, dalam jangkamasa tujuh tahun kita hampir menyelesaikan 50 peratus daripada tanah terbiar. Kita tidak memerlukan amalan luar biasa seperti yang dikehendaki oleh Yang Berhormat dan kita akan meneruskan amalan biasa yang sedang berjaya pada hari ini.

#### **PEMENCILAN KETUA-KETUA KERAJAAN KELANTAN/SABAH**

4. *Meminta Perdana Menteri menyatakan betapa adanya langkah-langkah yang memenculkan Ketua-ketua dan Wakil-wakil Kerajaan Kelantan dan Sabah dari mesyuarat-mesyuarat dan majlis bersama Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri-negeri lain, betapa ada ura-ura dan gesaan supaya peruntukan Kelantan dan Sabah dikurangkan.*

(a) *adakah perkembangan itu sesuai dengan semangat politik manifesto Barisan Nasional yang berbunyi;*

*“Dengan menanamkan kepercayaan bahawa segala pertikaian boleh diselesaikan melalui perundingan*

*yang jujur.”*

*(b) jika Kerajaan Barisan Nasional sendiri tidak menghormati semangat manifesto itu, siapakah yang bertanggungjawab untuk melaksanakannya.*

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Raja Ariffin bin Raja Sulaiman] menjawab:**

Ketua-ketua Kerajaan Negeri Kelantan dan Sabah hanya tidak dijemput menghadiri mesyuarat-mesyuarat dan forum-forum yang diwujudkan secara pentadbiran oleh kerana mesyuarat-mesyuarat dan forum tersebut diadakan bagi maksud menyerlaskan kegiatan-kegiatan perhubungan dan mengendalikan urusan-urusan serta menyelesaikan isu-isu dan masalah-masalah yang menyentuh kepentingan bersama di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri yang diperintah oleh Barisan Nasional. Menteri Besar Kelantan dan Ketua Menteri Sabah dahulunya dijemput ke mesyuarat berkenaan kerana mereka pada masa itu adalah anggota Barisan Nasional.

Sungguhpun kedua-dua Ketua Kerajaan Negeri Kelantan dan Sabah tidak dijemput hadir, tidaklah bermakna bahawa keperluan-keperluan dan kepentingan rakyat di kedua-dua buah negeri berkenaan diabaikan. Kepentingan rakyat di kedua-dua negeri itu akan terus diberi perhatian, umpamanya, dengan cara melantik pemimpin-pemimpin tertentu mewakili negeri-negeri berkenaan dalam mesyuarat, iaitu Menteri Belia dan Sukan bagi Negeri Kelantan dan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi bagi Negeri Sabah.

Mengenai anggapan bahawa Kerajaan Persekutuan akan mengurangkan peruntukan Kelantan dan Sabah, ia adalah tidak benar sama sekali. Peruntukan kepada kedua-dua negeri berkenaan akan disalurkan seperti biasa melalui saluran-saluran tertentu yang mencerminkan peruntukan itu sebenarnya datang daripada Kerajaan Persekutuan.

Kerajaan Barisan Nasional memang berpegang kepada dasar menyelesaikan pertikaian melalui perundingan. Tetapi kalau pihak lain mengambil sikap tidak mahu berunding, apa boleh kita buat. Kalau pun kata sanggup berunding, nampaknya hanya sekadar berpura-pura untuk kepentingan politik sahaja.

## **DEFINASI LENGKAP AJARAN SESAT**

*5. Meminta Perdana Menteri memberikan definasi dan keterangan lengkap kegiatan 44 kumpulan ajaran sesat yang dimaksudkan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.*

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman] menjawab:**

Definasi ajaran sesat adalah seperti berikut:

“Sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau orang-orang yang bukan Islam, yang mereka itu mendakwa bahawa ajaran mereka dan amalan mereka berdasarkan kepada ajaran Islam. Sedangkan pada hakikatnya ajaran mereka dan amalan mereka bertentangan dan berlawanan dengan ajaran

Islam yang sebenarnya, bertentangan dengan pendapat mazhab-mazhab yang diiktibarkan serta bertentangan dengan pendapat Ahli Sunnah Wal-Jamaah."

*Soalan Tambahan: Saya ingin mendapat penjelasan dari pihak Timbalan Menteri di mana beliau telah membawa definisi mengenai ajaran sesat. Saya ingin tahu apakah teori-teori politik ataupun ideologi-ideologi dan ajaran-ajaran politik yang diperjuangkan oleh manusia tidak termasuk dalam jenis pengajaran ataupun ilmu? Sekiranya ia termasuk dalam jenis pengajaran dan ilmu, apakah ia tidak terlibat dengan ajaran sesat? Sekiranya terlibat, apakah pada pandangan Timbalan Menteri ideologi yang diperjuangkan oleh Kerajaan hari ini termasuk dalam ajaran sesat ataupun tidak dan apakah pengenalan dan pengertian hadith Rasulullah SAW yang berbunyi:*

لَيْسَ مِنَ الْمُنَاهَنْ دُعَى إِلَى عَصَبَيَّةٍ وَلَيْسَ مِنَ الْمُنَاهَنْ  
قَاتَلَ عَلَى عَصَبَيَّةٍ وَلَيْسَ مِنَ الْمُنَاهَنْ مَا تَعْلَمَ عَلَى  
عَصَبَيَّةٍ - وَ كَانَ قَالَ .

Saya harap dapat jawapan yang jelas kerana acapkali saya tidak mendapat jawapan daripada Timbalan Menteri ini secaraikhlas dan tidak pernah tepat. Ini untuk kepentingan kita bersama.

**Dato' Dr. Abdul Hamid:** Saya rasa perkara yang ditimbukan itu tidak ada kaitan dengan soalan asal, iaitu kegiatan 44 kumpulan yang telah disebut.

## **KEMASUKAN MURID SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA**

*6. Meminta Menteri Pendidikan menyatakan:*

- (a) adakah beliau sedar bahawa permohonan murid sekolah rendah masuk ke sekolah menengah agama Kerajaan meningkat setiap tahun. Jika sedar, adakah Kerajaan bercadang untuk menambah bilangan sekolah sedemikian;*
- (b) sila nyatakan bilangan yang memohon di seluruh negara bagi sessi persekolahan 1990-1991 dan berapa peratuskah pertambahannya dengan tahun sebelumnya. Berapakah bilangan mereka yang terpilih; dan*
- (c) apakah tindakan Kementerian bagi memenuhi kehendak ibubapa murid supaya murid yang tidak terpilih berpeluang meneruskan pelajaran yang mereka hajati itu.*

**Menteri Pendidikan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim] menjawab:**

Kementerian sedar kian bertambah bilangan pelajar yang memohon memasuki Sekolah Menengah Agama dan bilangan mereka meningkat pada setiap tahun. Bagi menampung pertambahan ini, Kementerian telah menambah bilangan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama.

Sehingga tahun 1990, sebanyak 38 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama telah diwujudkan. Yang lebih penting juga ialah sekolah-sekolah menengah kebangsaan di negara kita juga telahpun menyediakan kelas-kelas aliran agama. Pada tahun 1990, sebanyak 42 buah sekolah menengah kebangsaan telah membuka kelas aliran agama.

Langkah ini adalah untuk mengurangkan masalah yang dihadapi oleh Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Agama.

(b) Bilangan pemohon dan peratus pertambahan dan bilangan yang terpilih seperti yang dipohon adalah seperti berikut:

TAHUN	PERMOHONAN	TERPILIH
1988	10,250	3,000
1989	12,600	3,600
1990	16,700	4,000

\* Peratus Pertambahan: 32.6%

Ini tidak termasuk bilangan yang telah dipilih ke Kelas Aliran Agama di Sekolah Menengah Kebangsaan biasa.

*Soalan Tambahan: Mengikut jawapan yang diberi oleh Menteri Pendidikan tadi, jumlah pemohon yang ditolak ataupun tidak dapat memasuki kelas-kelas pengajian itu besar dan hampir dua kali ganda dengan jumlah yang diterima. Untuk mengatasi masalah ini atau mengambil jalan ringkas atau pendek,*

*adakah Kerajaan bercadang untuk menyelaraskan sekolah-sekolah mulai dari peringkat rendah sampai ke peringkat menengah?*

*Yang kedua, untuk mencapai cita-cita Kementerian Pendidikan sendiri bagi menghasilkan seorang insan soleh, kamil, abid dan sebagainya, tidakkah lebih cepat dan lebih berkesan jika sekolah dapat diselaraskan? Jika ya, bila rancangan itu akan dilaksanakan?*

**Dato' Seri Anwar Ibrahim:** Mengikut Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang telah kita perkenalkan, kita tekankan usaha untuk melahirkan iinsan soleh yang mencakup pemahaman tentang bidang agama selain daripada menguasai keterampilan dalam bidang-bidang tertentu di Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan mengikut Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, penekanan tentang pendidikan agama ditambah dan selebihnya daripada itu, pembentukan akhlak merentas kurikulum dan disiplin lainnya.

Ini adalah langkah-langkah yang telah dijalankan kebelakangan ini termasuk mewujudkan aliran agama di Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan. Pendekatan ini tidaklah diterima oleh semua pihak seperti mana pihak Persatuan Guru-guru Sekolah Cina telah membantah keras bersama dengan DAP.

## PENSWASTAAN LAPANGAN TERBANG

7. *Meminta Menteri Pengangkutan menyatakan:*

(a) bagaimakah prestasi untung rugi aktiviti pengurusan dan pengendalian lapanganterbang bagi tempoh 1985-1990; dan

(b) benarkah Kerajaan bercadang untuk menswastakan pengurusan dan pengendalian lapanganterbang.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail] menjawab:**

(a) sejak tahun 1975 sistem perakaunan Jabatan Penerbangan Awam Malaysia terbahagi kepada dua iaitu sistem akaun dagangan bagi pengurusan lapanganterbang di Semenanjung Malaysia dan sistem akaun Kerajaan bagi pengurusan lapanganterbang di Sabah dan Sarawak. Oleh itu, hanya perakaunan Jabatan Penerbangan Awam bagi Semenanjung Malaysia yang dapat ditunjuk dari konteks prestasi untung rugi aktiviti pengurusan dan pengendalian lapanganterbang. Bagi tempoh tahun 1985 sehingga 1990 terdapat kerugian seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH KERUGIAN
1985	\$39,052,989
1986	\$61,497,335
1987	\$71,700,231
1988	\$55,082,617
*1989	\$43,432,953
**1990	\$44,747,699

\* (belum diaudit)      \*\* (anggaran terakhir)

Kerugian ini adalah kerana ketinggian perbelanjaan untuk menampung peruntukan bagi pembayaran balik pinjaman dan faedah ke atasnya serta peruntukan untuk susutnilai. Peruntukan untuk susutnilai adalah sebanyak \$47,500,000 dan peruntukan untuk faedah pinjaman adalah sebanyak \$2,216,000 menjadikan jumlah kedua-duanya sebanyak \$49,716,000.

(b) Kerajaan memang ada rancangan untuk memperbadankan Jabatan Penerangan Awam. Deraf Rang Undang-undang yang berkaitan telah disediakan dan Rang Undang-undang ini adalah dijadual dibentangkan dalam sesi Parlimen pada pertengahan tahun ini. Di samping itu, satu kajian khas mengenai cara-cara yang terbaik untuk memperbadankan lapanganterbang adalah dalam peringkat akhir kajian. Setelah kajian ini siap dijalankan dan diterima oleh Kerajaan, keputusan akan dibuat terhadap tarikh serta cara di mana lapanganterbang-lapanganterbang akan diperbadankan.

Antara sebab-sebab utama mengenai cadangan untuk memperbadankan lapanganterbang-lapanganterbang adalah seperti berikut:

- (i) lapanganterbang dapat dikendalikan secara komersil;
- (ii) mengurangkan beban kewangan Kerajaan;
- (iii) melibatkan pihak swasta dalam bidang pengurusan lapanganterbang; dan
- (iv) melibatkan pelaburan swasta dalam pembangunan dan operasi lapanganterbang.

## **VISA UMRAH MENUNAIKAN FARDHU HAJI**

*8. Meminta Perdana Menteri menyatakan:*

- (a) dalam musim haji yang lalu Menteri di Jabatan Perdana Menteri ketika itu telah diberitakan pernah berkata bahawa pihaknya akan menahan mereka yang berada di Mekah untuk menunaikan haji dengan visa umrah dan menyerahkannya kepada pihak Arab Saudi. Sila jelaskan perkara tersebut;*
- (b) berapa orangkah yang telah ditahan dan diserahkan kepada pihak polis Arab Saudi; dan*
- (c) jika kenyataan itu mencerminkan dasar Kerajaan, sila nyatakan adakah ia satu kerjasama dua hala atau Kerajaan hendak menjadi polis pula kepada Arab Saudi.*

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha] menjawab:**

Kenyataan bahawa Menteri di Jabatan Perdana Menteri pernah berkata pihaknya akan menahan mereka yang berada di Mekah untuk menunaikan haji dengan menggunakan visa umrah adalah tidak benar.

Sejumlah 87 orang rakyat Malaysia yang menggunakan visa umrah yang terus tinggal di Tanah Suci selepas tempoh visa umrah mereka itu luput telah ditahan oleh Pihak Berkuasa

## Arab Saudi dan dihantar pulang.

Tindakan menghantar balik mereka yang terus tinggal di Arab Saudi setelah tempoh visa umrah mereka itu luput adalah tindakan Kerajaan tuan rumah iaitu Arab Saudi dan bukannya dasar kerajaan Malaysia yang tidak mempunyai hak mencampuri urusan hal ehwal dalam negerinya.

18 NOV. 1993